

Cahaya Paskah bawa Harapan sejati

KUALA LUMPUR: Uskup Agung Kuala Lumpur, Uskup Agung Julian Leow mengatakan, “Ketika kita berkumpul untuk merayakan kebangkitan Juruselamat kita, Yesus Kristus, kita diingatkan akan harapan yang tidak terbatas, yang ditawarkan untuk kita melalui kemenangan-Nya melawan alam maut.”



syat di Myanmar. Kita berdiri bersama dengan keluarga yang terjejas oleh letupan gas di *Putra Heights*, di mana kemusnahan telah menyebabkan mangsa mencari harapan di tengah-tengah kehancuran — semua ini mengingatkan kita untuk peka terhadap penderitaan yang dihadapi oleh saudara-saudari kita setiap hari.”

Prelatus itu mengatakan “harapan” itu bukan abstrak tetapi HIDUP. “Harapan itu memperbaharui semangat kita, menyembuhkan hati kita dan memanggil kita untuk hidup dalam cahaya kebangkitan Yesus.”

Peka terhadap penderitaan dunia

Uskup Agung Julian mengingatkan umat bahawa umat Katolik bukan sahaja menyambut sukacita Paskah tetapi juga sedang menjalani Tahun Jubli Harapan yang menjemput umat peka terhadap kasih Tuhan dan penderitaan dunia.

Paskah membawa salah harapan yang mendalam iaitu pada masa-masa yang paling gelap, kehidupan akan menang.

“Namun,” katanya, “seperti yang kita lihat di seluruh dunia, pelbagai penderitaan sedang mengelilingi kita. Kita melihat penderitaan akibat konflik berterusan di Palestine, di mana keluarga terpisah dan masyarakat hidup dalam ketakutan serta keganasan yang berterusan.

“Kita menangis dengan mereka yang telah kehilangan besar selepas gempa bumi dah-

Di tengah-tengah penderitaan, Harapan tidak dapat dikalahkan

Meskipun dalam keadaan suram, Uskup Agung Julian mengajak umat beriman agar tidak lupa bahawa di tengah-tengah penderitaan kita, terletak harapan yang tidak dapat dikalahkan.

Sama seperti Kristus menanggung berat dosa-dosa dunia di salib dan menderita demi menyelamatkan kita, Dia juga telah membangkitkan kematian dan membuka pintu kepada kehidupan kekal.

Kebangkitan-Nya memberi makna baharu kepada penderitaan kita. Kebangkitan-Nya memberi jaminan kepada kita bahawa tidak ada kesakitan tanpa tujuan dan tiada kegelapan terlalu besar. Inilah harapan yang menopang kita ketika kita berdoa untuk semua yang terjejas oleh konflik, bencana, dan malapetaka.

Kita berdoa untuk rakyat Palestine, bahawa keamanan menggantikan keganasan dan hati yang terluka dapat dipulihkan.

Kita berdoa untuk mangsa gempa bumi di Myanmar, agar mereka dapat mencari kekuatan dan penghiburan dalam kesedihan mereka, dan membina semula kehidupan mereka dengan belas kasihan dan sokongan


masyarakat global.

Kita berdoa bagi mereka yang terkesan akibat letupan gas di *Putra Heights*, agar mereka dapat merasakan rahmat Tuhan dan sokongan daripada orang-orang di sekeliling mereka. Kita berdoa untuk semua orang yang mengalami kesusahan perang, bencana alam dan tragedi manusia di seluruh dunia. Semoga Tuhan merangkul mereka, menawarkan keamanan, harapan, dan penghiburan berkat daripada kebangkitan-Nya.

Tetapi janganlah kita lupa bahawa kita bukan sahaja dipanggil untuk berdoa bagi mereka yang menderita, tetapi untuk berdiri bersama mereka dalam tindakan dan solidariti.

Paskah ini, kita diingatkan bahawa iman kita tidak pasif. Kita dipanggil untuk menjadi pembawa harapan di dunia. Kita dipanggil untuk mendekati mereka yang terabai, yang hilang dan yang rapuh kerana di mata Kristus, mereka berharga dan disayangi.

Tahun Jubli Harapan memanggil kita untuk hidup sebagai keluarga yang bersatu dalam kasih Kristus, memperluas cinta itu kepada mereka yang memerlukan. Ketika kita merayakan kebangkitan, marilah juga merenungkan perjalanan iman kita sendiri.



Pesan bagi umat yang meninggalkan Gereja

Kepada umat yang sudah jauh daripada Gereja, Uskup Agung Julian dengan tulus menjemput mereka kembali lebih-lebih lagi pada Tahun Jubli Harapan kerana “rahmat Tuhan yang tidak terbatas selalu menanti anda.”

Tidak kira sejauh mana anda dapat merasakannya, atau betapa sukarnya jalan untuk kembali, ketahuilah bahawa Kristus sentiasa menunggu dengan tangan terbuka, Dia sentiasa bersedia untuk mengalu-alukan anda pulang. Gereja adalah keluarga anda.

Pada akhir pesan Paskahnya, Uskup Agung Julian mengucapkan “semoga kebangkitan Tuhan mengingatkan kita semua bahawa melalui Dia, segala sesuatu adalah mungkin.”

Misteri Paskah ungkap penyelamatan agung Yesus!

KUCHING: Dalam pesan Paskahnya, Presiden para Uskup Katolik Malaysia, Uskup Agung Simon Poh menekankan pewartaan teras iman Kristian: “*Alleluia, Kristus telah wafat. Kristus telah bangkit!*” pada musim Paskah ini.

Inti pati iman ini diucapkan setiap kali semasa Misa Kudus, semasa paderi mengungkapkan misteri iman, kita akan menjawab, “*Wafat-Mu kami wartakan kebangkitan-Mu kami muliakan hingga Engkau datang,*” yang merupakan misteri Paskah: kematian, pengebumian, dan kebangkitan Yesus Kristus — rancangan Tuhan untuk menyelamatkan manusia.

Tridum Paskah

Tiga hari Tridum: Perjamuan Terakhir pada Khamis Putih, apabila Yesus makan Paskah bersama dengan murid-muridnya; Jumaat Agung, memperingati kematian-Nya di

Salib, dan Vigil Paskah meraikan kebangkitan-Nya.

“Semua ini,” kata prelatus itu, “bukan sesuatu yang kita dapati sendiri — ia telah diturunkan kepada kita melalui Kristus dan dengan mempercayai dia, kita menjadi kehidupan sejati.”

Misteri Paskah, menawarkan karunia hidup kekal

Menceritakan pengalaman peribadinya ketika menghadapi kematian bapanya pada bulan Mac lalu, Uskup Agung Simon menerima perkhawaran duka bahawa bapanya meninggal dunia di Sabah.

Beliau berangkat ke Sabah dan memimpin Misa pengebumian dan pembakaran mayat bapanya. Abu itu kemudian, dibawa kembali ke Kuching untuk Misa *Requiem* dan abu bapanya ditempatkan di Kolumbarium



Gereja St Peter.

Uskup Agung Simon menyatakan bahawa hubungan kehidupan dan kematian yang tidak dapat dielakkan. Namun, kehidupan dan kematian adalah lebih bermakna melalui kepercayaan dalam misteri Paskah iaitu kematian dan kebangkitan Yesus menawarkan karunia kehidupan kekal.

Sabda Penghiburan Yesus

Kata-kata Yesus dari Injil yang bergema secara mendalam pada setiap upacara pengebumian begitu menghiburkan: “*Akulah kebangkitan dan kehidupan. Mereka yang percaya kepada-Ku, walaupun mereka mati, akan hidup*” (Yohanes 11:25).

Prelatus itu mengingatkan umat beriman bahawa dalam setiap Misa dan pengebumian, umat Katolik diperkayakan oleh sabda Yesus,

“*Aku roti hidup yang turun dari syurga. Siapa yang makan roti ini akan hidup selamanya*” (Yohanes 6:51).

Pesan iman dan sukacita

Pada akhir pesannya, Uskup Agung Kuching itu mengajak umat memperbaharui kepercayaan kepada Tuhan yang Bangkit.

Marilah kita bersukacita bahawa dosa dan kematian telah dikalahkan. Dan marilah kita hidup sebagai orang-orang yang Bangkit sambil memperhatikan cahaya Kristus dengan dunia yang memerlukan harapan.

Semoga kegembiraan Paskah mengisi hati kita, dan semoga kita suatu hari nanti mendengar kata-kata indah daripada Tuhan kita, “*Syabas, wahai hamba yang baik dan setia. Kamu setia mengurus yang sedikit. Aku akan memberimu kuasa mengendalikan yang banyak. Nikmatilah kebahagiaan kurnia tuannya.*” (Matius 25:23).

Yesus dalam “The Chosen”

Saya pasti ramai di antara kita yang biasa dengan siri TV mengenai kehidupan Yesus yang bertajuk “The Chosen”.

Ia dilancarkan pada tahun 2019, disiarkan di pawagam dan platform strimin. Kini mempunyai lebih daripada 200 juta orang penonton.

Ia telah diterjemahkan ke dalam 50 bahasa dan mempunyai 13 juta orang pengikut media sosial, dengan kira-kira 30 peratus penontonnya bukan Kristian.

“The Chosen” dicipta dan dihasilkan oleh Dallas Jenkins, seorang Kristian evangelikal dengan kerjasama ekumenikal dan antara iman yang luas.

Jonathan Roumie, seorang Katolik Roman yang taat, memainkan peranan Yesus, dan Yesus yang digambarkannya dalam “The Chosen” adalah agak berbeza dari berbanding kisah Yesus yang selalu kita tonton dalam filem dan gambaran lain. Dan ini mempunyai kesan yang menarik.

Apa kesannya? Joe Hoover, seorang paderi Yesuit yang menulis dalam majalah Amerika baru-baru ini, memberi komen beliau, “Saya telah menjadi seorang Kristian yang dibaptis selama 53 tahun, menghadiri sekolah kelas Kristian Katolik dan selama lebih dari dua dekad telah menjadi anggota religius yang menggunakan nama Yesus ... dan siri televisyen “The Chosen” telah memberikan saya pemahaman dan kaitannya dengan hidup Kristus dan para pengikut-Nya.

Tidak ada khutbah, tidak ada seruan teologi, tidak ada ijazah pascasiswazah, tidak ada panggilan istimewa untuk Yohanes, Markus atau Lukas, tidak ada bengkel kerohanian, tidak ada retreat 30 hari namun, yang pernah membawa saya lebih mengenal Kristus seperti yang dimainkan dalam filem itu.

Saya juga turut mengalami pengalaman sama seperti Joe semasa menonton “The Chosen” Seperti Joe, saya dibaptis semasa bayi, membesar sebagai seorang Katolik Romawi, ahli kongregasi agama, mempunyai ijazah dalam teologi, telah menghadiri pelbagai bengkel kerohanian dan telah mempelajari Injil di bawah bimbingan beberapa orang sarjana bertaraf dunia, namun siri TV itu telah memberikan wajah kepada Yesus yang saya belum pernah saya pelajari atau alami sebelum ini.

Pada dasarnya, inilah kesan filem “The Chosen” bagi saya. Ia telah membentangkan Yesus yang saya mahu dampingi dan ikuti.

Tidakkah kita selalu mahu bersama Yesus? Ya, tetapi Yesus yang sering disampaikan kepada kita bukanlah seseorang, jika kita jujur dengan diri kita sendiri, kita selalunya ingin menghabiskan banyak masa dengan kita boleh selesa dan senang.

Sebagai contoh, Yesus yang sering disampaikan kepada kita dalam filem-filem secara amnya kurang mesra atau kurang hangat, sukar didekati, jauh, tegas, berada dunia lain, sangat warak dan apabila menatap-Nya akan membuat anda berasa bersalah kerana dosa kita telah menyebabkan Dia disalib.

Dalam filem-filem biasa yang kita lihat, Yesus tidak humor, tidak pernah membawa senyuman Tuhan ke dunia dan tidak pernah membawa cahaya ke mana-mana ruang atau rumah. Dia bukan seorang Yesus yang selesa untuk kita ikuti.

Malangnya, inilah Yesus yang sering kali dibentangkan kepada kita dalam khutbah, katekesis, sekolah Minggu, kelas teologi dan kerohanian yang popular.

Yesus yang kita jumpai dalam khutbah, katekesis yang sebagainya, sangat Ilahi, terlalu suci untuk kita berasa selesa dan



senang bersama-Nya.

Dia adalah Yesus yang kita kagumi, yang mungkin kita puja dan kagumi dan yang kita sangat percayai untuk menyerahkan hidup kepada-Nya.

Tetapi Dia juga seorang Yesus yang kita tidak selesa, yang tidak akan kita pilih untuk duduk di sebelah-Nya, yang tidak kita pilih untuk dibawa bercuti dan yang begitu jauh, berbeza daripada kita.

Dia lebih mudah dianggap atau dimiliki sebagai guru yang dikagumi daripada sebagai sahabat yang intim, apalagi sebagai kekasih yang kita mahu berikan jiwa kita kepadanya.

Ini bukanlah suatu pengakuan untuk memanfaatkan Yesus (seperti trend hari ini) dengan menjadikannya seorang lelaki yang baik yang memberitakan cinta tetapi pada masa yang sama memancarkan kebenaran Tuhan yang sangat tegas. Ini bukan ditonjol dalam “The Chosen”. Malah jauh sekali.

“The Chosen” membentangkan kepada

Yesus yang ketuhanan-Nya tidak akan pernah kita ragui, malah Dia tampil mesra, hangat dan menarik serta sifat kemanusiaan-Nya menyebabkan anda sangat selesa bersama-Nya malah sifat-Nya itu menarik anda untuk terus bersama-Nya.

Menonton “The Chosen”, kita tidak akan ragu buat seketika bahawa Yesus adalah khusus dan berkait rapat dengan Bapa-Nya, bahawa Dia membawa kita kebenaran dan wahyu Tuhan tanpa kompromi.

Yesus ini juga membawa senyuman Tuhan, kehadiran Tuhan dan berkat Tuhan terhadap kehidupan kita yang selalu lemah dan kurang.

Julian Mystic yang hebat dari Norwich pernah menggambarkan Tuhan dengan cara ini: Tuhan duduk di syurga, benar-benar santai, wajah-Nya kelihatan seperti simfoni yang luar biasa. Antara lain, “The Chosen” menunjukkan kepada kita wajah Tuhan yang santai ini, sesuatu yang jarang kita lihat atau alami sendiri. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

Marilah bersukacita kerana kita memiliki iman!

Berita tentang kebangkitan Kristus didalam Injil karangan Markus, Matius, Lukas dan Yohanes cukup bervariasi.

Tetapi pada dasarnya, keempat-empat Injil ituewartakan inti khabar gembira yang sama, iaitu Yesus dari Nasaret, seperti ditegaskan oleh Petrus dalam Kisah Rasul, “telah dibunuh dan digantung di kayu salib” telah bangkit kembali.

Dalam Injil Yohanes hari ini, hanya orang yang memiliki mata kasih dapat memahami kematian dan kebangkitan Yesus sebagai ungkapan kasih yang tiada batasnya. Dalam kisah tentang kebangkitan Kristus itu terserlah peranan kasih yang luar biasa dalam kisah kebangkitan ini.

Maria Magdalena yang telah dibebaskan Yesus dari tujuh syaitan, sangat mengasihi

Yesus, merupakan orang pertama yang datang ke makam Yesus.

Namun Maria mendapati makam itu kosong! Memang seorang yang pernah dikasihi akan mencari orang yang mengasihinya.

Kasih selalu pertama-tama memperhatikan orang yang dikasihinya. Dalam Injil hari ini, dua orang murid Yesus, iaitu Petrus dan Yohanes juga datang ke makam Yesus.

Petrus yang masuk lebih dahulu, sebab dia adalah pemimpin para murid yang harus menjadi saksi utama tentang segala sesuatu yang telah terjadi.

Tetapi Yohanes, yang menyebut dirinya sebagai “yang dicintai Yesus” adalah yang pertama percaya bahawa Yesus telah bangkit.

Sesungguhnya kasih selalu lebih peka dan lebih cepat melihat serta menafsirkan setiap tanda yang berkaitan dengan keaduan orang yang dikasihinya.

Oleh sebab itu, tidakkah menghairankan bahawa kasih memainkan peranan begitu sentral dalam peristiwa Paskah iaitu ketika murid-murid Yesus menemukan kebangkitan Yesus!

Seluruh peristiwa Paskah iaitu wafat dan kebangkitan Yesus merupakan suatu pernyataan kasih kepada manusia.

Dalam kebangkitan Yesus sangat terserlah keagungan kasih Tuhan bagi setiap orang yang mempunyai mata dan dapat melihat! Memang, orang yang dapat atau mampu melihat, hanyalah orang yang memiliki mata kasih.

Kasih Tuhan hanya dapat dilihat dan difahami secara benar oleh orang yang mencintai Yesus secara benar pula! Sebaliknya orang-orang yang membenci Yesus, yang mengikuti dan menyetujui keputusan mahkamah agung agama Yahudi dan yang menyerahkan Yesus kepada Pilatus untuk membinasakan Dia, — mereka ini ketika mendengar bahawa makam Yesus kosong, berasa cemas dan khuatir, bahawa seluruh usaha mereka menyingkirkan Yesus gagal total.

Mereka mencari fitnah dan mengabarkan bahawa murid-murid Yesus mencuri jenazah-Nya, untuk memamatkan kembali Yesus dan perutusan-Nya.

Hanya kasihlah yang dapat memahami makna kebenaran Paskah. Ini bererti, jika

HARI RAYA KEBANGKITAN YESUS

KIS 10:34A. 37-43
KOL 3:1-4
INJIL YOHANES 20:1-9

kita mahu memahami kematian dan kebangkitan Yesus sebagai ungkapan dan pernyataan kasih Ilahi kepada kita manusia, maka Roh kasih Tuhan harus membuka dahulu mata kasih kita di dalam hati kita!

Maka marilah kita bergembira, bahawa kita memiliki iman, dan kita patut bersyukur kepada Tuhan, kerana Dia telah membuka mata kasih kita.

Dengan mata kasih itu, sebagai dimiliki oleh Yohanes, murid Yesus, kita dapat menerima, mengalami dan melihat kasih Tuhan yang luarbiasa kepada kita lewat Yesus Kristus Putera-Nya.

Janganlah kita lupa pula berdoa bagi semua orang, agar mereka pun sanggup melihat dan menerima kebenaran kasih Tuhan dalam diri Yesus Kristus.

Semoga mereka semua akhirnya juga percaya dan ikut mengalami kegembiraan Paskah seperti kita sendiri. Iman yang teguh akan kasih Tuhan kepada semua orang, yang juga berbahagi kasih dalam diri Yesus Kristus kepada segenap sesama kita. Itulah intisari makna kebangkitan Yesus Kristus, yang kita rayakan. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**



Penziarah Gereja *Divine Mercy*, berziarah ke Kudat



KOTA KINABALU: Seramai 186 umat dari perkumpulan Penziarah Gereja *Divine Mercy* KKIP melawat ke Pusat Ziarah Gereja Paroki St Peter Kudat pada April 1, yang lalu.

Ziarah kali pertama ini sempena Tahun Jubli Harapan ini dianjurkan bersama Komiti Liturgi, Komiti Komunikasi Sosial (SOCCOM) dan Kerasulan Belia Katolik.

Setelah tiba di pusat ziarah, para penziarah menjalani pelbagai aktiviti antaranya, Pentakhtaan Alkitab, doa Jalan Salib, katekesis ringkas sejarah kedatangan khabar sukacita di Borneo Utara yang disampaikan oleh Sr Luziah FSIC.

Sr Luziah memetik dekri Jubli *Spes non Confundit* (Harapan

tidak mengecewakan), bahawa Sri Paus Fransiskus mengajak semua umat beriman untuk selalu berharap, di tengah-tengah ketidakpastian dunia dan masa depan.

Sr Luziah juga turut berpesan kepada para penziarah bahawa perjalanan seorang penziarah bukan hanya melibatkan fizikal tetapi juga mencakup perjalanan spiritual.

Perjalanan ziarah mencerminkan usaha manusia untuk mendekati Tuhan dan mencapai tujuan akhir yang penuh harapan.

Sebagai penziarah harapan, kita diajak untuk terus berjalan dengan penuh keyakinan, tidak berdiam diri dan menjadi tanda kasih bagi dunia. **Stanley Ung**



Bengkel KOMSOS bantu kembangkan kemampuan menulis dan buat liputan

APIN-APIN: Asas penulisan artikel dan teknik fotografi merupakan antara sesi yang disampaikan kepada 30 orang peserta Bengkel KOMSOS (Komunikasi Sosial) di Gereja St Anthony Abbot, baru-baru ini.

Bengkel ini merupakan kerjasama antara KOMSOS Zon Apin-Apin dan KOMSOS paroki Keningau yang bertujuan memperkenalkan peranan KOMSOS di dalam pelayanan Gereja.

Kehadiran para peserta mencerminkan minat dan komitmen yang tinggi terhadap dunia penulisan dan jurnalistik serta ingin mengetahui teknik-teknik mengambil gambar yang betul.

Sdra Juanis Marcus, pengerusi KOMSOS paroki Keningau dan Sdri Carol Liew, merupakan antara penceramah dalam bengkel

tersebut.

Antara topik yang telah diberikan dalam bengkel ini ialah Pengenaln KOMSOS, penulisan berita untuk aktiviti Gereja, etika KOMSOS semasa membuat liputan, *basic photography* dan *phone photography*, serta cara pemasangan peralatan untuk "Live Streaming".

Di setiap sesi tersebut turut diselitkan dengan latihan praktikal bagi para peserta.

Bengkel itu diakhiri dengan sesi bergambar bersama para peserta dan krew KOMSOS keningau yang hadir.

Bengkel ini diharapkan, melalui latihan serta sesi yang diberikan, akan lebih ramai penulis baharu serta mereka yang mahu melibatkan diri dalam pelayanan KOMSOS bagi Zon Apin-Apin.



Menghadapi cabaran pastoral keluarga dengan *Amoris Laetitia*

SANDAKAN: Majlis Pastoral Paroki Katedral St Mary telah menganjurkan Perhimpunan Pastoral Paroki (PPP) kali kelima baru-baru ini.

PPP itu turut dihadiri oleh Fr Simon J. Kontou selaku penolong paderi paroki, Fr Mitchelly Kiun, Diakon Ricki Boy Hasim, para religius dan wakil-wakil komiti atau kerasulan.

PPP itu menelaah "*Amoris Laetitia*" (Sukacita Kasih), dokumen Sri Paus Fransiskus yang menekankan topik yang berkaitan dengan perkahwinan dan keluarga.

Perbualan dalam Roh juga diselitkan bagi perbincangan dalam kumpulan.

Fr Simon J. Kontou secara rasmi membuka perhimpunan itu. Beliau menyatakan bahawa PPP yang pertama bermula pada 2018 dengan 80 orang peserta. Manakala

pada tahun 2014 dan 2015, dua sinode telah dijalankan yang memberi tumpuan kepada panggilan dan peranan keluarga dalam Gereja dan dunia.

Kedua-dua sinode itu menghasilkan laporan akhir yang dikeluarkan pada tahun 2016.

PPP ini menggunakan "*Amoris Laetitia*" untuk mengupas realiti dunia hari ini di mana keluarga menghadapi pelbagai cabaran seperti perpisahan, penceraian, tinggal bersama tanpa perkahwinan, tidak mahu anak dan sebagainya.

Fr Simon mengatakan disebabkan pelbagai cabaran dalam keluarga, maka beliau mengajak umat untuk membaca dokumen "*Amoris Laetitia*" tanpa tergesa-gesa.

Beliau menjemput para peserta untuk menyedari betapa pentingnya PPP dalam menerangi kehidupan rohani umat, sama ada seka-

rang atau masa depan.

Fr Simon menjelaskan bahawa dokumen "*Amoris Laetitia*" dapat membawa umat dalam perjalanan sukacita dan mengendalikan cabaran perkahwinan dan keluarga.

Dokumen itu menekankan bahawa panggilan perkahwinan adalah hadiah daripada Tuhan dan tidak dapat disangkal. Sudah tentu tidak semua orang dipanggil untuk berkahwin. Terdapat juga individu yang dipanggil menjadi paderi dan religius.

Pada masa yang sama, "*Amoris Laetitia*" menekankan pelayanan pastoral keluarga dan pendidikan kanak-kanak.

Oleh sebab itu, para peserta digalakkan untuk mengkaji "*Amoris Laetitia*" kerana ia memimpin umat untuk menyedari apa yang dikehendaki oleh Gereja Katolik.

Pemimpin diseru fokus "kepimpinan yang melayani"

KENINGAU: Bagaimana anggota Gereja dapat menjadi pemimpin pelayan sejati bagi umat dan bagi dunia?

Persoalan ini dikupas pada April 4 apabila seramai 85 umat dari lapan Komuniti Umat Katolik (KUK) di bawah jagaan Zon Dalit, menyertai Seminar Kepimpinan yang diadakan di Gereja St Dominik.

Seminar selama sehari itu dikendalikan oleh dua orang tenaga pengajar dari Pusat Pastoral Keuskupan Keningau iaitu Sdra John Liansin dan Sdra Patrick Marius.

Kebaikan dan manfaat mereka yang hadir mengikuti seminar ialah para peserta dapat mempelajari apa dan bagaimana cara menjalankan kepimpinan dan pelayanan yang terbaik mengikut panduan pastoral dan keperluan di KUK masing-masing.



Sdra John Lainsin berkongsi mengenai pentingnya sikap berjalan bersama dalam pelaksanaan dan keterlibatan umat yang boleh dipupuk melalui KKD (Komuniti Kristian Dasar)

Pada akhir seminar, Fr Apollonius Yakis telah memimpin Misa Kudus pengutusan. Paderi itu memberi amanat iman kepada para peserta agar selalu melayani

mencontohi kepimpinan agung Yesus yang selalu mementingkan golongan miskin, terabai dan memerlukan. Para peserta juga diingatkan agar sentiasa mohon bimbingan Roh Kudus dalam menjalankan tugas mereka.

Selepas seminar dan Misa, diadakan Pertemuan Katekis KOMKAT Zon Dalit dengan KOMKAT pusat. **Denis Zeno**

Sahabat kecil Yesus

**Yesus telah Bangkit!
Alleluia ... Alleluia**

Hello adik-adik,
Apa khabar? Pada hari ini,
marilah kita bersukacita kerana
Yesus telah bangkit dari antara
orang mati! Yesus Juruselamat
kita itu telah mengalahkan alam
maut. Dialah Raja dan Tuhan
kita yang Hidup di tengah-

tengah kita.


Adik-adik, kebangkitan Yesus
juga menandakan betapa Dia
amat mengasihi kita. Tidak
kira siapa pun kita, latar
belakang, kaum, tidak kira kita
lelaki atau perempuan, kita
adalah anak-anak-Nya yang
dikasihi.

Oleh sebab itu, marilah kita
merayakan Paskah dengan

hati yang bersukacita dan
syukur kerana Yesus telah
membuktikan Dia adalah Anak
Tuhan yang Hidup!

Kita tidak menyembah
tuhan atau patung yang
mati sebaliknya Yesus yang
Hidup dan Berkuasa, kini dan
sepanjang segala masa!

Antie Melly



Apakah yang
berlaku pada Yesus
pada hari Paskah?

Isikan tempat
kosong pada
gambar ini untuk
mengetahui
apakah hari raya
besar yang
dirayakan pada
hari ini.

Mari Mewarna: Yesus Harus Bangkit Dari
Antara Orang Mati (Yoh 20:1-9)



Y E S S B N G K T
D R I A T A R A
R A G M T I

(Yoh 20:1-9)

Dapatkan adik-adik mengesan 10 perbezaan pada gambar "Perjalanan ke Emaus" di bawah?





BELIA



BELIA KATOLIK MALAYSIA DIAJAK BAWA SALIB KE SELURUH PENJURU NEGERI

KOTA KINABALU: Selepas *Malaysia Catholic Youth Day 2025 (MCYD)* ke mana hala tuju kita? soal Uskup Agung Simon Poh, Uskup Episkopal untuk Pelayanan Kampus Malaysia dan Presiden Konferensi Para Uskup Malaysia.

"Selepas MCYD 2025, kita kembali semula ke komuniti kita, ke paroki kita, ke rumah panjang, kampung melalui Perjalanan Salib Katolik Malaysia."

Uskup Metropolitan Kuching itu mengingatkan, "Hari terakhir MCYD bukan penutup tetapi permulaan. Selepas ini, kita berjalan bersama dengan Perjalanan Salib Katolik Malaysia bersama belia di tempat kita masing-masing."

Uskup Agung Simon Poh amat gembira dan sangat menghargai pengalamannya dalam selama enam hari bersama para belia yang julung kalinya diadakan dari Mac 31 hingga April 5 lalu.

"Sebagai belia, kita sedar bahawa seperti Yesus, kita berjalan bersama-Nya ke Emaus. Kita berjalan bersama Salib Katolik Malaysia. Ketika kita meninggalkan Yerusalem pada hari Jumaat Agung, tidak ada yang tinggal,

tidak ada lagi harapan."

Namun ketika kita berkumpul di MCYD, melalui Perbualan Roh, kita melihat cabaran yang kita hadapi, dengan pujian dan penyembahan, dengan Misa Kudus, dengan berjalan bersama para Uskup Malaysia, kita menyedari bahawa kita tidak berjalan sendirian. Yesus sentiasa hadir di tengah-tengah kita. Yesus sentiasa mendengar kita.

Selepas ini, marilah kita bersama-sama membawa Salib Katolik Malaysia kepada rakan-rakan, di tempat kita sendiri. Bawalah sukacita, iman dan harapan Yesus kepada semua orang!

"Wahai anak muda, andalah *the now of God!* Mari kita keluar dan mewartakan-Nya. Marilah melakukan perubahan!" seru Uskup Agung Simon Poh.

Perayaan Ekaristi penutup dan pengutusan MCYD

Uskup Agung Simon Poh memimpin Misa penutup MCYD2025 sekaligus mengutus para belia untuk menjadi pewarta sukacita Injil di tempat masing-masing.

Perayaan Ekaristi itu turut dihadiri oleh para Uskup/agung Malaysia, para paderi dan religius, di Katedral Sacred Heart pada April 5.

Menariknya, selepas menyampaikan homili singkat, Uskup Agung Simon menjemput lima orang belia dari lima paroki pusat MCYD 2025 untuk memberikan perkongsian mereka.

Salah seorang yang berkongsi pengalaman ialah seorang belia kurang upaya penglihatan, Sdra Blaise Yong dari Keuskupan Keningau.

Beliau menyeru para peserta MCYD agar tidak mengabaikan belia Katolik kurang upaya untuk didampingi dan dibimbing.

Blaise yang sebelum ini pernah menyertai *Sabah Youth Day-6* di Keuskupan Keningau pada tahun lalu, begitu merasai, beliau perlu bantuan daripada para belia lain untuk memahami perjalanan program.

Oleh sebab itu, beliau mewakili belia Katolik kurang upaya agar belia tidak mengabaikan pelayanan untuk golongan ini.

Kembalilah semula di sini

Di mana sahaja kita berada, sama ada di Malaysia, Thailand dan Timor-Leste, ada 'rumah' kita iaitu Gereja. Gereja adalah rumah kita di mana sahaja kita berada, merantau atau belajar," ucap Uskup Agung John Wong.

Prelatus itu mengatakan, "kehadiran anda semua dalam MCYD2025 ini menjadikan Keuskupan Agung Kinabalu tempat yang kudus!"

Beliau juga menjemput semua peserta agar datang semula ke Kota Kinabalu untuk bercuti dan melawat semula keluarga-keluarga angkat mereka.

"Ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada MOT, LOT dan keluarga angkat. Anda telah menjadikan MCYD2025 meriah dan berjaya. Semoga Tuhan memberkati kita semua," ungkap Uskup Agung John.

Tiupan shofar

MCYD 2025 ditutup dengan tiupan shofar yang mengingatkan para belia agar sentiasa bersiap sedia, bahawa mereka kembali ke tempat masing-masing, menjadi "Gereja" yang sentiasa membawa belas kasihan, sukacita dan harapan Yesus kepada semua orang.



Promosi panggilan capai 1,000 paderi

SEOUL: Persatuan Sokongan Panggilan Keuskupan Agung Seoul merayakan ulang tahun ke-50 dengan Misa Kudus di Katedral Myeongdong. Misa dipimpin oleh Uskup Agung Peter Soon-Taick Chung dan dihadiri oleh para klerus, religius dan ratusan umat awam yang berdedikasi mempromosikan panggilan imam.

Ditubuhkan pada April 17, 1975, persatuan itu bermula sebagai Kumpulan Sokongan Seminarian, inisiatif akar umbi yang diketuai oleh kakitangan seminari dan lima belas orang awam wanita, di bawah bimbingan Fr Kim Deok-Jae.

Ia secara rasmi dinamakan semula sebagai Persatuan Sokongan Panggilan pada bulan Oktober 1977 dan beroperasi di bawah pengawasan Jabatan Panggilan Keuskupan Agung.

“Dengan rahmat Tuhan yang Maha Baik dan Penyayang serta melalui keprihatinan, sokongan dan sumbangan yang murah hati dari semua orang, kita telah mencapai masa bersejarah,” kata Uskup Agung Chung dalam homilinya.

“Sejak 180 tahun pentahbisan paderi pertama Korea, Sto

Andrew Kim Dae-Beon, bilangan paderi keuskupan di Keuskupan Agung Seoul akhirnya mencapai seribu orang,” kata Uskup Agung Chung.

“Pertambahan ini tidak mungkin dilakukan tanpa rahmat Tuhan dan tanpa usaha yang setia para paderi serta ahli-ahli persatuan dalam misi ini,” katanya.

Prelatus itu juga menekankan identiti rohani kepaderian iaitu panggilan merayakan Ekaristi dan memberikan pelayanan sakramen. Katanya, walaupun panggilan menjadi paderi adalah hadiah Ilahi, paderi juga memerlukan sokongan dan doa daripada semua umat serta mereka selalu harus memelihara kekudusan mereka.

Prelatus itu juga memberi peringatan bahawa di mana-mana, panggilan kepaderian semakin menurun.

“Oleh itu, saya mohon, semua umat, ahli-ahli persatuan ini, untuk berdoa bersungguh-sungguh, galakkan tetangga, orang-orang sekeliling anda dan komuniti untuk menyokong panggilan serta mempromosikan panggilan,” kata Uskup Agung Chung. **LiCAS News**

Orang sakit, mengajar kita berbelas kasihan

VATIKAN: Dalam homilinya untuk Jubli Orang Sakit dan Perawat Orang Sakit, pada April 5 dan 6, Sri Paus Fransiskus memetik inspirasi daripada Nabi Yesaya.

Dalam khutbahnya, yang dibaca dengan kuat oleh Uskup Agung Rino Fisichella, Bapa Suci mengajak umat beriman untuk merenungkan keadaan orang Israel semasa dalam pembuangan. “Ia seolah-olah semuanya hilang tetapi ia adalah percubaan yang membawa mereka ke negara baharu.”

Bapa Suci membandingkan pengalaman ini dengan wanita dalam bacaan Injil hari itu, yang telah dikutuk dan dihina kerana dosadanya.

Penuduhnya, bersedia untuk membuang batu, tetapi terhenti kerana kata-kata berkuasa Yesus. Yesus kemudian berkata kepada wanita berdosa itu, “Pergilah, anda bebas, anda diselamatkan.”

Berdasarkan kisah itu, Bapa Suci mengatakan bahawa “Tuhan tidak menunggu kehidupan kita menjadi sempurna sebelum Dia campur tangan di dalamnya. Sebaliknya, Tuhan merawat luka kita memasuki hati kita. Dia tidak mengetuk



pintu hati kita kerana kita menderita tetapi kerana Dia mahu selalu tinggal di dalam hati kita.”

Penyakit dan penjagaan

Kepada orang yang sakit dan kepada semua orang yang membantu mereka, Sri Paus mengakui penderitaan yang mendalam kerana penyakit.

“Rasa sakit boleh membuatkan kita berasa seperti orang-orang dalam pembuangan ... atau seperti wanita dalam Injil,” katanya.

“Namun sakit juga boleh menjadi tempat pertemuan, “sekolah” untuk kita belajar mencintai dan disayangi dengan kerendahan hati serta rahmat.”

Bapa Suci Fransiskus kemudian

mengatakan penyakit tidak harus dianggap sebagai beban, tetapi sebagai pengajaran dalam kepercayaan, rasa syukur dan harapan. “Marilah kita tidak menolak untuk dijaga. Marilah kita membenarkan diri kita disayangi.”

Kepada para profesional penjagaan kesihatan, Bapa Suci mengucapkan terima kasih kepada mereka atas kerja mereka dan menggalakkan mereka menerima setiap pesakit sebagai peluang memperbaharui rasa kemanusiaan.

“Katil untuk orang sakit boleh menjadi tempat yang suci, yang membakar sikap acuh tak acuh dan menyuburkan rasa terima kasih serta harapan.” **Media Vatikan**

SEMARANG, Indonesia: Sebuah Gereja di Keuskupan Yogyakarta, Indonesia membantu sebuah dusun kecil yang terdedah kepada kesan iklim.

Kini dusun itu telah menjadi model kebangsaan untuk pengurusan sisa yang diterajui sepenuhnya oleh penduduk kampung dengan berakar umbi dalam ajaran sosial Katolik dan *Laudato Si'*, dokumen Sri Paus Fransiskus.

Dusun Karangtanjung di Kampung Pandowoharjo, Sleman, menjadi dusun contoh yang mengadaptasi penyesuaian iklim dan tindakan alam sekitar dan diiktiraf pada tahun 2020 sebagai “dusun iklim utama kebangsaan”.

Dusun itu juga menganjurkan program pengurusan sisa berasaskan komuniti di kawasan. Baru-baru ini, pengurusan dusun itu menjemput Komisi Keadilan, Keamanan dan Integriti Penciptaan (KKPKC) dari Keuskupan Agung Semarang, untuk program pengurusan sisa berasaskan komuniti di kawasan itu.

Gereja bantu kampung kecil urus sisa

“Kami dijemput untuk membina kesedaran kolektif untuk menguruskan sisa, yang sering menjadi masalah,” kata Fr Benediktus Hanjar Krisnawan, Pr. yang menjadi ketua dalam komisi tersebut.

“Kami dijemput untuk membina kesedaran kolektif untuk menguruskan sisa, yang sering menjadi masalah. Dengan tadbir urus yang baik bermula daripada unit terkecil, iaitu keluarga, dusun ini akan membawa nilai ekonomi dan juga menjadi usaha untuk memelihara bumi sebagai rumah bersama kita, seperti yang dinyatakan oleh Bapa Suci Fransiskus dalam ensiklik *Laudato Si'*,” kata Fr Benediktus.

Paderi itu juga mengingatkan bahawa, “Bumi yang kita tinggal hari ini adalah warisan untuk generasi akan datang dan mesti dipelihara bersama”

Inisiatif itu juga memberi in-



spirasi kepada ahli-ahli KKPKC dari wilayah Barat dan Timur Yogyakarta untuk belajar menguruskan sisa dari Karangtanjung.

Selain pembelajaran dari Komisi dari Keuskupan Agung Semarang, bengkel pengkomposan yang diketuai oleh P. Kianto Ajmodjo, M.Sc., dari Fakultas *Technobiology* dan pasukan *Laudato Si* dari Universiti Atma Jaya, Yogyakarta, turut datang ke dusun tersebut.

Pelawat datang ke dusun itu untuk memerhatikan secara langsung bagaimana usaha warga tempatan

Pelawat mengadakan bengkel tentang pemulihan alam di Dusun Karangtanjung di Kampung Pandowoharjo, Sleman. Gambar: LiCAS News.

membentuk amalan mampan dan tindakan iklim.

“Saya gembira dan bersyukur kerana saya dapat belajar dan berinteraksi secara langsung dengan penduduk Karangtanjung untuk pengurusan sisa,” kata Fr Adolfus Suratmo Atmomartoyo, Pr., Pengerusi Komisi Keadilan, Keamanan dan Integriti Penciptaan (KKPKC) Yogyakarta Barat.

“Lawatan-lawatan dari KKPKC, unit ekologi dari universiti-univer-

siti Indonesia merupakan penghormatan dan penghargaan terhadap kerja keras masyarakat Karangtanjung dalam menguruskan sisa dan melindungi alam sekitar,” kata Sunarto, ketua Dusun di kampung Karangtanjung.

“Komunikasi akan diteruskan dengan aktivis alam sekitar supaya semangat penduduk Karangtanjung dalam melindungi alam sekitar terus kekal,” katanya. **LiCAS News**

Paderi lihat bencana sebagai peluang bersatu dan dialog antara agama

YANGON: Seorang paderi Gereja di Mandalay Myanmar yang telah dilanda gempa bumi, mengatakan penderitaan yang disebabkan oleh bencana tersebut sebagai peluang untuk persatuan dan dialog antara agama di negara itu.

“Penderitaan ini juga menjadi peluang untuk dialog antara agama yang mendalam,” kata Fr Peter Kyi Maung, Vikaris Jeneral Keuskupan Agung Mandalay, pada April 7 lalu.

Fr Peter mengatakan Uskup Agung Mandalay, Uskup Marco Tin Win terus bertemu para man-



gsa, berbual, menyampaikan kata-kata semangat dan berdoa bersama para mangsa dan orang sakit, yang sebahagian daripada mereka be-

ragama Buddha.

Katedral Hati Kudus di Mandalay juga telah menjadi tempat perlindungan bagi para mangsa

gempa bumi “tanpa memandang suku atau agama,” katanya.

“Umat paroki turut bekerja keras demi meringankan penderitaan para mangsa gempa bumi yang meliputi umat Kristian, Buddha, Islam dan Hindu.

Para relawan Katolik telah mengumpulkan sumbangan dan membahagi-bahagikan bantuan seperti makanan, air, ubat-ubatan, tempat penampungan darurat, dan kelengkapan kebersihan kepada orang-orang yang rumahnya hancur akibat gempa bumi.

“Pekerjaan yang mendesak

sekarang adalah membantu mereka yang berada di jalanan,” kata Joseph Kung, seorang umat Katolik.

Mereka memerlukan air minum dan makanan. Sekarang ada risiko kolera, penyakit pernafasan dan penyakit kulit kerana tahap kebersihan yang buruk,” kata Kung.

Gempa bumi yang melanda Myanmar pada Mac 28 telah menyebabkan lebih 19 juta rakyat Myanmar memerlukan bantuan makanan dan pembaikan semula rumah, bangunan serta ekonomi. **ucanews.com**

AUDIENS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

‘Jual’ semua yang menghalang kita

TAKHTA SUCI: Semasa Sri Paus Fransiskus berehat selepas ditahan di Hospital Gemelli hampir sebulan akibat masalah pernafasan, beliau meminta umat beriman untuk melepaskan semua halangan yang menghalang kita daripada menerima cinta Tuhan yang luar biasa.

Perkara ini dinyatakan dalam teks yang telah disediakan untuk Audiens Hari Rabu. Sri Paus meminta akhbar Takhta Suci untuk menerbitkannya.

Sejak dibenarkan pulang dari hospital, doktor mengesyorkan dua bulan rehat untuk pemulihan yang betul dan pejabat akhbar Vatikan terus mengedarkan katekesis yang disediakan oleh Bapa Suci untuk audiens, seperti yang dilakukannya semasa dimasukkan ke hospital.

Pertemuan Yesus dengan pemuda kaya
Dalam katekesisnya, Bapa Suci memberi tumpuan kepada salah satu pertemuan yang berlaku dalam kehidupan Yesus.

Sri Paus mengambil episod Alkitab dalam Injil Sto Markus 10: 17-22, seorang lelaki berlari ke Yesus dan bertanya, “Guru yang baik, apa yang harus saya lakukan untuk mewarisi kehidupan kekal?”

Yesus mengingatkan pemuda itu tentang perintah-perintah dan memberitahunya untuk menjual segala yang dia miliki, memberikannya kepada orang miskin, dan kemudian mengikuti Dia.

Pemuda itu terkelu, tidak dapat berbuat demikian dan berasa sangat sedih.

Kemungkinan kebahagiaan sejati

Bapa Suci mengingatkan kita bahawa cinta Yesus menawarkan manusia permulaan dan pembaharuan hidup. Yesus “mengasahi pemuda itu. Dia terlebih dahulu mengasahi orang itu dan menjemput-Nya untuk mengikuti Dia.”



Bapa Suci mengagumi cinta Yesus yang diberikan secara bebas — yang bertentangan dengan logik merit yang membimbangkan pemuda itu.

“Kita seharusnya sangat gembira kerana kita disayangi dengan cara ini: bebas, dengan rahmat.”

‘Jual’ semua yang menghalang kita

Untuk mengisi kekurangan atau menutup kekosongan dalam diri kita, “Kita tidak boleh cuba untuk ‘membeli’ pengiktirafan, kasih sayang atau harga diri, sebaliknya, kita mesti ‘menjual’ segala-galanya yang menghalang kita, yang menghalang kebebasan kita untuk mengasahi Tuhan sepenuhnya. Kadang-kadang kita fikir perkara-perkara itu adalah khazanah, tetapi, ia mungkin beban yang menghalang kita selama ini!”

Pada akhir katekesisnya, Bapa Suci menyeru semua umat beriman agar mempercayai hati yang sedang sedih dan tidak dapat membuat keputusan kepada Yesus agar dapat merasai pandangan Tuhan yang penuh kasih sayang.

Menurut laporan terkini Media Vatikan, pada April 10, Bapa Suci membuat lawatan mengejut ke makam Sto Pius X.

Ini merupakan kali kedua penampilan Bapa Suci yang tidak dijangka selepas muncul buat seketika semasa Jubli orang Sakit.

Sri Paus Fransiskus kelihatan masih menggunakan bantuan pernafasan dan duduk di atas kerusi roda. Bapa Suci berhenti berdoa di makam Sto St Pius X, seorang Bapa Suci yang amat dihormati oleh Sri Paus Fransiskus. **Media Vatikan**

PENULIS BERKICAU

Kristus HIDUP dalam MCYD

Unggahan berani seorang bekas peserta *Malaysian Catholic Youth Day 2025* telah tular di sebuah platform media sosial. Menggredkan 3/10 acara besar yang menghimpunkan belia Katolik Malaysia, yang julung kalinya mungkin satu tindakan berani, naif, bodoh atau mencari populariti?

Saya enggan mengulas kerana sudah ramai paderi, religius, pemimpin belia Katolik, orang-orang lama dalam Gereja yang sudah menjawab “rating” yang diberikan oleh belia tersebut.

Lebih-lebih lagi saya mengenal beberapa orang kuat di sebalik MCYD 2025 yang sangat berpengalaman dan selalu menghadiri Pesta Belia di peringkat dunia.

Saya menyebut beberapa orang daripadanya iaitu Sdra Roney Eming dan Sdri Anna Theresa Amandus. Roney, Koordinator MCYD 2025, telah memegang jawatan Pengerusi Kerasulan Belia dan Pelayanan Kampus lebih 10 tahun dan menghadiri pelbagai pesta belia di peringkat Asia dan dunia. Beliau juga merupakan salah seorang perwakilan belia Malaysia yang menghadiri Kongres Belia di Roma bersama Sri Paus Fransiskus pada Mei tahun lalu.

Sdri Anna Teresa Amandus dari Keuskupan Sandakan, seorang wanita ceria dan pernah memegang jawatan Ketua Kerasulan Belia untuk Keuskupan Sandakan.

Anna merupakan perwakilan Malaysia ke Sinode para Uskup di Roma pada 2023 dan 2024. Semasa MCYD, beliau telah menyampaikan sesi “*My personal Journey: Synod on synodality*”.

Pengalaman hebatnya di Roma juga pernah disiarkan dalam laman sesawang *HERALD* bertajuk “*Anna in Rome*”.

Keluarga angkat untuk peserta MCYD 2025 juga amat mengagumkan. Ramai ibu bapa yang saya kenali mengambil bahagian. Ia bukan sekadar menyediakan tempat tinggal tetapi membuka hati untuk bermurah hati.

Seorang keluarga angkat yang saya kenali, bekerja lebih 'keras' kerana anak-anak angkatnya mempunyai masalah alergi. Puji Tuhan, dia tidak serik malah berbangga kerana anak-anak angkat itu selalu menghubungi dan mereka akan melawatnya lagi.

Semangat tiga orang uskup agung yang bersama dengan para belia selama enam hari, memberi inspirasi ramai anak muda. Saya pasti, keramahan dan sukacita yang ditunjukkan oleh tiga orang uskup agung ini memberi semangat kepada ramai anak muda agar semakin berani menyalut panggilan menjadi paderi dan religius selepas MCYD!

Semasa Misa pengutusan MCYD, Blaise Yong dari Keuskupan Keningau, juga telah membuka mata para peserta MCYD. Blaise merupakan peserta kurang upaya penglihatan. Dia menyeru para belia yang lengkap lima pancaindera agar membantu belia kurang upaya, agar mereka tidak tercicir dalam program-program Gereja!

Apa pun, Kristus hadir dalam setiap sesi dan detik semasa MCYD. Saya percaya Kristus HIDUP dalam semua Misa Kudus, Perbualan Dalam Roh, pujian, penyembahan, Adorasi ... semasa MCYD.

Dan kini, para belia Katolik akan terus mewartakan Khabar Gembira bersama Perjalanan Salib di Keuskupan masing-masing!

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498

Pesan Paskah Uskup Cornelius Piong

“Yesus Kristus tetap sama dahulu, sekarang dan selama-lamanya”

Umat Tuhan yang berjalan bersama dengan pengharapan dalam Yesus Kristus.

Selamat merayakan Paskah, kebangkitan Kristus dari kematian dan kini hidup bersama kita.

Dialah pengharapan kita yang sedang dalam penziarahan di bumi ini. Dalam memasuki masa Pra-Paskah, kita menerima Abu pada dahi kita dengan kata-kata yang mengingatkan bahawa ‘kita ini abu dan akan kembali menjadi abu’ (Kej. 3:19).

Sepanjang masa Pra-Paskah, Tuhan mengingatkan kita bahawa walaupun kita manusia dicipta dari tanah dan kembali menjadi tanah.

Tuhan mengasahi kita manusia dan diungkapkan-Nya kasih-Nya itu dengan mengutus Putera-Nya Yesus sebagai utusan dan ungkapan cinta kasih Tuhan Bapa.

Yesus sanggup mengorbankan diri-Nya, menderita, disalibkan dan mati tetapi pada hari ketiga Dia bangkit dan hidup di tengah-tengah kita.



Inilah yang kita rayakan dan menjadi sumber pengharapan bagi kita yang sedang dalam penziarahan di bumi ini dan

menghadapi serta mengalami berbagai cabaran yang menakutkan.

Kebangkitan Kristus adalah sumber kekuatan iman, harapan dan kasih bagi para rasul-Nya.

Demikian juga dengan kita, kerana “Yesus Kristus tetap sama baik dahulu, sekarang dan selama-lamanya” (Ibr. 13:8).

Dengan semangat Kristus bangkit dan kuasa Roh Kudus-Nya, marilah kita sentiasa mengatur perjalanan kita bersama mahu dibangun menjadi umat yang bersifat komuniti, bersikap ambil peduli dan setia bersaksi bagi Kristus.

Kerana yang kita imani dan kasahi adalah Kristus yang bangkit. Marilah kita berjalan bersama dengan pengharapan dalam Yesus Kristus.

Selamat Paskah!

Cornelius Piong
Uskup Cornelius Piong
Mac 6, 2025



Majlis persaudaraan promosi keamanan dan keharmonian antara agama

JOHOR BAHRU: Majlis Aidil Fitri antara Katolik dan Muslim yang berlaku baru-baru ini menonjolkan momen perpaduan dan muhibah.

Diketahui oleh Uskup Bernard Paul, Uskup Keuskupan Melaka Johor, majlis itu menyaksikan delegasi dari Pusat Majodi, klerus dan umat awam, berkumpul bersama dengan anggota organisasi *Erth al-Mustafa*.

Sepanjang acara itu, para hadirin saling hormat menghormati, bertegur sapa dalam keharmonian. Majlis itu berfungsi sebagai peringatan yang kuat tentang nilai-nilai bersama dan persaudaraan penganut Kristian dan Islam.

Kedua-dua pengasas organ-



isasi itu, Shyakh Imran Angulia al-Hafiz (pengasas) dan Dr Jaysuman bin Puspanathan (pengasas bersama), mengalu-alukan Uskup Bernard dan delegasinya, menjamu mereka dengan makan tengah hari yang lazat

Semasa majlis, Shyakh Imran dan Dr Jaysuman berkongsi pandangan tentang aktiviti yang telah dilakukan di pusat mereka di Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Pusat ini berfungsi sebagai tempat pembelajaran dan hab sokon-

gan untuk pelajar, terutamanya pelajar asing, yang menawarkan kaunseling dan bantuan.

Erth Al Mustafa adalah organisasi dua serampang, yang terdiri daripada cawangan kemanusiaan dan akademik, yang didedikasikan untuk menyebarkan pengetahuan tradisional Islam.

Akademi ini ditubuhkan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk pendidikan Islam tradisional yang berkualiti tinggi dalam masyarakat moden. Ia menawarkan kursus dalam bahasa Inggeris, Melayu, dan Arab, yang memberi tumpuan kepada sains Islam.

Cawangan kemanusiaan organisasi itu ditubuhkan untuk memberi sokongan kepada ko-

muniti yang kurang mendapat perhatian dan menawarkan bantuan kecemasan semasa krisis kemanusiaan. Salah satu visi utama organisasi ini adalah untuk menggalakkan keamanan dan belas kasihan semua kaum, budaya dan agama. Pusat itu bukan sahaja menjangkau Gereja Katolik tetapi juga organisasi Hindu, Sikh, Buddha, dan Tao. Melalui dialog dan perkongsian iman, ia bertujuan memupuk kepercayaan dan membina kasih sayang dalam kalangan masyarakat pelbagai agama dan kaum.

Shyakh Imran dan Dr Jaysuman mengucapkan terima kasih kepada Uskup Bernard Paul atas usahanya dalam membina keharmonian dan mengukuhkan hubungan.



Kunjungan OFS Telipok ke Rumah Kebajikan Jireh

TUARAN: Kumpulan *Ordo Franciscanus Sacularis* (OFS) dari *Holy Family*, Telipok yang melawat ke Rumah Kebajikan Jireh pada April 5 lalu, tertarik dengan kisah dua orang penghuni remaja di situ iaitu Ryan dan Everlyn.

Rumah Kebajikan Jireh yang ditubuhkan pada tahun 2006 merupakan sebuah pusat kebajikan berdaftar Kristian yang menyediakan perlindungan dan tempat tinggal bagi kanak-kanak serta remaja yang kurang berkemampuan.

Melalui gabungan disiplin, sokongan pendidikan, dan aktiviti kerohanian, Rumah Kebajikan Jireh menyalurkan harapan dan bantuan yang diperlukan kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Dua orang remaja yang ditemui, Ryan, dari Keningau, menetap di Jireh Home sejak berumur 10 tahun.

Katanya, "Saya suka tinggal di sini kerana semua keperluan seperti makan, minum, dan tempat tinggal disediakan dengan selesa. Saya juga memiliki ramai kawan di sini," jelasnya.

Sebelum ini, Ryan mengakui bahawa konflik keluarga menyekat peluangnya untuk terlibat dalam aktiviti keagamaan di kampung. Namun, sejak berada di Jireh Home dia mula aktif dalam program kerohanian. Sementara itu, Everlyn, 19, mengakui bahawa hidupnya berubah setelah tinggal di Jireh Home.

Sebelum itu, Everlyn terpaksa berhenti sekolah semasa tingkatan 1 kerana keluarganya tidak berkemampuan.

"Saya bersyukur kerana di Jireh Home saya berpeluang untuk menyambung persekolahan," kata Everlyn seraya menyatakan bahawa dia menemui makna baharu tentang kekeluargaan di Jireh Home.

Lawatan OFS pada hari itu, bukan sahaja beramah mesra dengan penghuni Jireh Home tetapi menyampaikan bantuan makanan seperti beras.

Bantuan itu diberikan oleh Sr Mathilda Gomuru FSIC, mewakili OFS kepada Pengurus Jireh Home, Sdri Zahira Mugong. Evelyn Justine

Ulang Tahun ke-60 pelayan FSP di Semenanjung Malaysia

PETALING JAYA: Para religius The Daughters of St Paul (FSP) merayakan 60 tahun pelayan mereka sebagai religius di Semenanjung Malaysia, baru-baru ini.

Kira-kira 220 rakan, kolaborator, klerus dan religius menghadiri perayaan, yang juga meraikan ulang tahun ke-50 *Pauline Cooperators*.

Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow, dibantu oleh Uskup Agung Wojciech Zaluski, Nunsio Apostolik ke Malaysia, bersama 22 orang paderi. Sambutan sederhana telah dianjurkan dengan sokongan pasukan paroki *Assumption*.

Majlis sambutan sederhana itu dianjurkan oleh pasukan dari paroki *Assumption*, Petaling Jaya. Sambutan peringkat paroki akan berlangsung pada April 27 dengan Misa pada pukul 11.30 pagi, diikuti dengan jamuan di Dewan Paroki.

Sejarah komuniti FSP bertapak di Semenanjung Malaysia bermula pada tahun 1961 ketika komuniti ini pertama kali menubuhkan rumah religius di Borneo Utara.

Dari sana, FSP kerap ke Singapura untuk misi buku, dengan harapan membuka rumah religius di sana.

Walau bagaimanapun, ia bu-



kan masa yang tepat. Sebaliknya, mereka menerima jemputan Msgr Dominic Vendargon untuk membuka sebuah rumah religius di Keuskupan Kuala Lumpur pada tahun 1965 iaitu di 161 Jalan Gasing, Petaling Jaya.

Sepanjang 60 tahun yang lalu, FSP secara aktif melibatkan ramai umat awam dalam misi penginjilan mereka melalui media. Individu-individu ini kemudiannya dimasukkan ke dalam Persatuan *Pauline Cooperators* (APCS) pada tahun 1975.

Sepanjang 50 tahun yang lalu, APCS telah memainkan peranan penting dalam misi Pauline, yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti seperti pentakhtaan Alkitab di rumah, pengedaran buku di paroki tempatan dan luar, mem-

bentuk kelab media di sekolah dan paroki, menjalankan analisis filem dan video serta mengambil bahagian dalam acara Hari Komunikasi Dunia.

Para suster FSP mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang telah menyokong misi mereka sejak 60 tahun yang lalu.

Detik masa berlalu, ramai religius FSP dan bangunan mereka juga semakin uzur.

Mereka memerlukan dana untuk memperbaiki bangunan biara dan pelayan mereka. Untuk membantu mengumpul dana, umat yang ingin membantu boleh membeli kemeja T RM20 (leher bulat) dan RM30 (dengan kolar).

Di samping itu, makan malam untuk menghimpunkan dana juga akan diadakan pada Julai 12.

